Bahasa Melayu Tingkatan 2
Tajuk: Puncak Menara (Buku teks m/s 17)
Kemahiran: Membaca
Standard Pembelajaran: 2.2.1 Membaca untuk memahami rangkai kata yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat

Baca teks dengan teliti dan berikan makna rangkai kata yang berwarna merah dengan merujuk glosari dan kamus.

Pendidikan tinggi ialah pendidikan selepas tamat sekolah menengah atas. Pada peringkat ini, pelajar akan **berhempas-pulas** menuntut ilmu untuk memperoleh diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah. Institusi Pendidikan yang menawarkan pendidikan pada peringkat ini terdiri daripada universiti awam dan universiti swasta. Kedua-dua jenis universiti ini menyediakan **peluang pendidikan** yang dapat **menjamin masa hadapan**. Pelajar boleh mengikuti pelbagai jurusan pengajian yang diminati oleh mereka.

Seseorang yang belajar pada peringkat pengajian tinggi akan lebih banyak berdikari. Ilmu pada peringkat ini bukan hanya diperoleh dengan mendengar kuliah daripada tenaga pengajar semata-mata, tetapi juga melalui pembacaan pelbagai jenis bahan dan kajian bagi menambahkan pengetahuan. Melalui kaedah pengajian seperti ini, pelajar **akan lebih berkeyakinan** untuk menghadapi **gelombang kehidupan** pada masa akan datang.

Pelajar juga akan **bertambah matang** kerana perlu menempuh pelbagai cabaran semasa menyiapkan kajian mereka. Tambahan pula, pelbagai **kemahiran insaniah** perlu dikuasai oleh mereka untuk menjadi pelajar yang berketerampilan dan serba boleh. Seterusnya, kemahiran insaniah yang diamalkan ini akan menjadi budaya dalam kehidupan mereka. Secara tidak langsung, mereka terdidik untuk mengamalkan nilai-nilai yang baik. Segala kemahiran yang dipelajari dan diamalkan ini amat berguna apabila mereka berada dalam **kancah pekerjaan** nanti.

Pilih maksud yang tepat bagi setiap rangkai kata di bawah.

berhempas-pulas	**Perkara yang akan memberi peluang cerah untuk masa akan datang**
peluang pendidikan	**Cabaran dan halangan dalam sesuatu keadaan.**
menjamin masa hadapan	**Kepandaian atau kecekapan berkaitan manusia**
akan lebih berkeyakinan	**Semakin dewasa**
gelombang kehidupan	**Kesempatan untuk belajar**
bertambah matang	**Medan atau ruang untuk mencari nafkah**
kemahiran insaniah	**Bersusah-payah**
kancah pekerjaan	**Bertambah bersedia atau bermotivasi**

LIVEWORKSHEETS